

# Syaitan diikat?

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**A**LHAMDULILLAH, Ramadan tiba lagi yang mempunyai pelbagai kelebihan di mana antara kelebihan tersebut al-Quran diturunkan seperti nas (al-Baqarah: 185) yang bermaksud: *(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.*

Ibn al-Jauzi berkata: Ada tiga pendapat:

- Diturunkan sekali gus, iaitu pada malam Qadar ke Bait al- 'Izzah dari langit dunia seperti kata Ibn Abbas.
- Diturunkan al-Quran dengan kefarduan puasa seperti riwayat daripada Mujahid dan al-Dahhaq.
- Permulaan al-Quran dengan turunnya kepada Nabi

## Ihya' Ramadan

**Apabila menjelamanya Ramadan, nescaya dibuka pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan**

Muhammad SAW pada bulan Ramadan seperti pendapat Ibn Ishak dan Abu Sulaiman al-Dimasyqi.

Berkenaan dengan hadis syaitan ditambah, penerangannya seperti berikut:

Daripada Abu Hurairah r.a, sabda

Rasulullah SAW yang bermaksud: *Apabila menjelamanya Ramadan, nescaya dibuka pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan.* (riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani di dalam kitabnya *Fath al-Bari* 4/132 tidak menyebut sebarang komentar ketika dikemukakan hadis ini.

Dalam *Faidh al-Bari 'ala Sahih al-Bukhari* oleh Sheikh Anwar al-Kashmiri 3/327 menyebut: Di sisi riwayat Tirmidzi iaitu yang dirantai ialah jin yang ganas. Justeru, tidak lazim bahawa dirantai keseluruhannya.

Begitu juga sebab berlakunya maksiat bukan hanya terbatas dengan godaan syaitan semata-mata, tetapi di sana ada sebab yang lain seperti pengaruh hawa nafsu yang juga antara sebesar-besar musuh manusia. Apa yang dapat diperhatikan sedikitnya maksiat dan banyaknya ketaatan dilakukan pada bulan Ramadan ini tanpa syak.

Dengan sebab itu, Saidina Uthman r.a memberi nilai tambah daripada segi amalan dua kali ganda berbanding

bulan lain. Lihat juga penjelasan yang dikemukakan oleh al-Tahawi.

Ibn Hajar al-Haitami dalam *Ittihafu Ahlu al-Islam bi Khususiyat al-Siyam* menyebut: "Diambil daripada hadis ini bahawa pintu syurga dibuka dan pintu neraka ditutup mengikut hakikatnya. Ini untuk menggambarkan kepada malaikat dan lainnya berkenaan bulan Ramadan dan pahalanya".

Ikatan dan belenggu syaitan pula termasuk hakikat demikian pada kebanyakan masa atau secara *majaz kinayah* daripada menahan perbuatan jahat dan tipu daya kepada manusia. Hal ini ada kebenarannya.

Dalam *Ahkam al-Siyam*, oleh Dr. Muhammad Uqlah menyebut: "Iaitu maksud tambatan atau ikatan ialah kurang godaan dan menyakiti mereka".

Semoga kita mengambil semangat Ramadan ini yang memberi 1,001 macam kebaikan untuk menambahkan lagi amalan ketaatan sehingga kita mendapat rahmat, keampunan dan dimerdekakan daripada api neraka Allah SWT. Amin.